

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua reformasi yang telah dibuat terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Adakah Kerajaan juga bersedia untuk menyemak semula Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

1. SPRM secara khususnya melaksanakan fungsi-fungsinya sebagaimana yang telah ditetapkan dibawah Seksyen 7 ASPRM 2009 untuk membanteras rasuah di negara ini. Fungsi serampang tiga mata tersebut adalah:
  - a. Melaksanakan pengesanan penyiasatan dan seterusnya melakukan pendakwaan ke atas mereka yang terbabit dengan rasuah;
  - b. Memberikan khidmat rundingan bagi menutup ruang dan peluang rasuah untuk berlaku; dan

- c. Mendidik serta mendapatkan sokongan masyarakat dalam usaha membanteras rasuah.
2. Dalam konteks **Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023**, terdapat 32 inisiatif yang secara langsung melibatkan SPRM. Inisiatif-inisiatif tersebut akan dilaksanakan dan dipantau oleh jawatankuasa khusus di SPRM bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional tersebut.
  3. Antara misi NACP yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Januari 2019 adalah meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan berasaskan Tadbir Urus yang baik. Peranan ini dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM melalui Unit Integriti di sektor awam dan swasta.
  4. **Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR)** adalah sebagai salah satu jawatankuasa penggerak di dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans dan Antirasuah Kebangsaan bersama-sama Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dimana SPRM juga merupakan urus setia bagi JAR peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.
  5. JAR berperanan untuk mengesyorkan dasar, membuat keputusan penting selari dengan kepentingan nasional dan mengenalpasti penyelesaian terbaik. Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan dan SUK Negeri perlu menubuhkan JAR masing-masing dan semua pelaporan perlu dihantar kepada SPRM sebagai urus setia kebangsaan sebanyak 3 kali setahun. JAR peringkat kebangsaan akan mengangkat isu-isu yang memerlukan keputusan dasar kepada JKKMAR sekiranya perlu. Ini bertujuan untuk menjadikan

pentadbiran kerajaan adalah kukuh dari segi governans, integriti dan antirasuah secara holistik, telus dan efektif.

6. NACP juga telah menggariskan keperluan pembangunan **Pelan Risiko Rasuah Organisasi** (*Organization AntiCorruption Plan-OACP*) di sektor awam di mana SPRM telah menggunakan Pengurusan Risiko Rasuah (PRR) atau *Corruption Risk Management* (CRM). OACP/CRM dapat membantu kementerian dan agensi awam dalam mengenalpasti risiko rasuah dalam organisasi dan seterusnya menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah agensi bagi mengurangkan risiko rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. PRR SPRM merupakan alat kawalan dalaman untuk mengesan perlakuan kesalahan rasuah dalam sesebuah organisasi awam atau swasta bagi membantu merangka strategi dan membuat kaedah potensi rawatan secara proaktif melalui penyediaan pelan tindakan.
7. Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan sedang menyemak ketiga-tiga akta seperti yang disoal Yang Berhormat Batu Gajah iaitu Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 seperti yang dijanjikan. Pada masa ini, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menyemak **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**. Jawatankuasa ini masih dalam peringkat mengumpulkan input-input yang diperlukan serta menjalankan kajian dasar bagi menambah baik akta tersebut. Jawatankuasa ini juga akan mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan akan turut bekerjasama dengan pakar-pakar dari United Nations Office On Drugs and Crime (UNODC). Jawatankuasa ini dijangka akan melengkapkan proses semakan dan kajiannya pada penghujung Oktober tahun 2019.
8. Kerajaan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pula bersama-sama dengan beberapa Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan sedang menyemak dan mengkaji pindaan-pindaan yang diperlukan kepada **Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]** dalam usaha untuk

memperkemaskan peruntukan-peruntukan sedia ada bagi membendung insiden ketirisan maklumat khususnya dalam persekitaran ICT dan ancaman masa kini. Pindaan Akta 88 ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020 setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

9. Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) mengambil maklum komitmen Kerajaan sepertimana termaktub dalam Buku Harapan, Teras 2; Mereformasi Institusi Pentadbiran dan Politik, Janji 15; Memisahkan Pejabat Pendakwaraya Negara daripada Pejabat Peguam Negara yang mana usaha pengasingan ini dilihat menghapuskan konflik kepentingan. **Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696)** ketika ini secara langsung memperuntukkan peranan Peguam Negara dalam fungsi / urusan program perlindungan saksi.
10. Semasa Perdana Menteri membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK11 pada 18 Oktober 2018, prinsip Keutamaan Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti ditekankan. Melalui prinsip ini, Kerajaan bertekad untuk memerangi rasuah secara menyeluruh melibatkan pelbagai sektor. Perundangan mengenai pencegahan dan memerangi rasuah ini juga akan melibatkan kajian semula terhadap Akta 696. Dalam konteks memenuhi aspirasi Kerajaan, BPJPM berpandangan, semakan semula Akta 696 perlu dibuat terhadap peranan Peguam Negara / Pendakwa Raya yang mana berkaitan. Hasrat Kerajaan untuk memperbaiki negara amat bertepatan dengan pengasingan kuasa ini dan seterusnya kepada perundangan berkaitan.

Sekian, terima kasih.